

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH DI SEKOLAH-SEKOLAH DI MALAYSIA, 1957 - 1989

Sharipah Aini Jaafar
Arba'iyah Mohd Noor

Abstract

History was first called 'Tawarikh' from 1918 until 1978. It has since been known simply as 'history'. In Malaysia, history was recognized as a subject from 1957 and became one of the core subjects in 1989. Under the Secondary School Integrated Curriculum/Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), history is taught from Form 1 classes right up to Form 5 in all secondary schools in Malaysia. This article focuses on the implementation of the teaching and learning of history in Malaysian schools from 1957 to 1989, a period which witnessed numerous changes and developments involving the subject. Its implementation in Malaysian schools involved various policy aspects, syllabus changes, teaching and learning methods, challenges, and steps in upholding history as a subject in schools. The article also takes into account the strategies for handling the difficulties faced in the implementation of history teaching; to find the best approach in strengthening history as a subject and to further inculcate the spirit of unity and loyalty towards the country.

Pengenalan

Pengenalan mata pelajaran Tawarikh di sekolah-sekolah aliran Inggeris pada tahun 1863 seperti Raffles Institution (Singapore Free School, 1834) dan Victoria Institution (1894) di Kuala Lumpur telah mencetuskan satu fenomena baru dalam mata pelajaran Sejarah. Selepas mencapai kemerdekaan, perubahan demi perubahan telah dilakukan terhadap mata pelajaran ini selari dengan arus perubahan semasa negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Mata pelajaran ini telah melalui beberapa tahap perubahan bermula zaman tradisional, zaman pemerintahan British (1900-1957), zaman selepas merdeka (1957-1979) dan pendidikan Sejarah dalam Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baharu Sekolah Menengah (KBSM), (1980-1989). Dasar Satu Sistem yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara selepas merdeka meliputi mata pelajaran Sejarah (Tawarikh) menunjukkan mata pelajaran ini begitu penting sebagai alat penyatuan masyarakat, bangsa dan negara.

Walau bagaimanapun, selepas 32 tahun negara merdeka dan mata pelajaran Sejarah di ajar di peringkat sekolah rendah dan menengah, namun sehingga kini semangat jati diri dan perasaan cintakan negara masih belum terkesan dalam diri warganegara ini sama ada orang Melayu, Cina mahupun India, meskipun pelbagai penambahbaikan telah dilakukan oleh pihak kerajaan. Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah selepas merdeka dilihat masih streataip dimana buku teks sebagai alat pengajaran utama. Masalah ini berterusan sedangkan hasrat dalam pendidikan Sejarah adalah untuk melahirkan pelajar membentuk masa depan yang mampu mengenal diri dan negara mereka. Cabaran dan halangan dalam memantapkan mata pelajaran ini tidak berkesudahan. Justeru pelbagai langkah dan strategi dilaksanakan bagi memantapkan dan memartabatkan mata pelajaran ini sepanjang pelaksanaannya. Usaha untuk meningkatkan dan memartabatkan mata pelajaran ini sentiasa dilakukan berikutan mata pelajaran ini begitu penting selain sebagai alat penyatuan bangsa, selain menjadi alat

pengenalan kepada akar umbi ketamadunan bangsa bagi memupuk semangat identiti dan jati diri yang kukuh sehinggalah pada tahun 1989 mata pelajaran ini diangkat sebagai mata pelajaran teras dan wajib diikuti oleh semua pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Dasar Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah

Selepas negara merdeka, umum mengetahui bahawa langkah utama yang dilakukan oleh kerajaan perikatan ialah menyusun semula sistem pendidikan yang diwarisi daripada penjajahan British. Antaranya melibatkan mata pelajaran Sejarah yang mula dikenali sebagai mata pelajaran Tawarikh¹ seawal tahun 1918 sehingga tahun 1978 dan kemudiannya dikenali sebagai mata pelajaran Sejarah sehingga kini. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka seperti Malaysia, mata pelajaran Sejarah menjadi alat didikan yang sangat diutamakan dalam usaha negara menanam dan memupuk nilai serta pemikiran para pelajar generasi muda terhadap masyarakat dan negara, terutama dalam aspek perpaduan. Unsur yang berkaitan dengan nilai-nilai perpaduan dijadikan teras dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Perpaduan yang diwujudkan mesti berupaya menangkis gejala-gejala seperti perkauman, keturunan, agama, bahasa dan perasaan kedaerahan yang boleh memecahbelahkan bangsa.² Malahan melalui pelajaran Sejarah juga proses mengindokrinasikan nilai-nilai yang dianggap serasi, sepadan dan bersesuaian dengan hasrat negara dapat dilaksanakan.

Pelajaran Sejarah sebagaimana yang diisi dalam kurikulum-kurikulum lebih banyak menampakkan pertimbangan yang bersifat moralistik yang boleh membawa iktibar kepada pelajar setelah mereka mempelajarinya.³ Langkah awal dalam pelaksanaan mata pelajaran Sejarah selepas merdeka ialah pembentukan dasar. Cadangan-cadangan berkaitan pembentukan dasar dikemukakan dalam Laporan Penyata Razak 1956 yang telah dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Setiap dasar yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan masyarakat.⁴ Dasar dalam pelajaran Sejarah yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan aspek pelajaran tersebut di sekolah semata-mata, tetapi sebagai alat untuk merealisasikan perpaduan bangsa dan kemajuan negara.⁵

Selepas mencapai kemerdekaan, Dasar Satu Sistem diperkenalkan dalam sistem pendidikan termasuk mata pelajaran Sejarah (Tawarikh). Pelajaran Sejarah yang diperkenalkan adalah untuk semua kaum. Dasar-dasar yang diperkenalkan sentiasa berubah untuk mendapat pendekatan terbaik demi bangsa dan negara ini khususnya melalui sistem pendidikan Sejarah.⁶ Pihak kerajaan mengambil perhatian serius dalam memastikan isu-isu pendidikan dikawal dengan sebaiknya supaya hubungan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sentiasa berada dalam keadaan yang harmoni atau menemui kegagalan sekiranya sistem pendidikan tidak dilaksanakan dengan baik dan telus.

Dasar ini diperkenalkan berdasarkan keperluan kurikulum sekolah yang disesuaikan dengan keadaan dan keperluan negara. Antaranya meliputi sukatan pelajaran yang sama dan peruntukan masa yang seragam serta sistem peperiksaan awam yang sama. Langkah ini menyumbang kepada menyatupadukan murid pelbagai kaum. Sehubungan dengan itu, satu jawatankuasa Sukatan Pelajaran Am dan jadual waktu ditubuhkan bagi membentuk satu sukatan pelajaran yang sama bagi semua mata pelajaran di semua aliran sekolah. Sukatan pelajaran dan peraturan kursus pengajian yang dihasilkan ini mula dikuatkuasakan sejak 1957.⁷ Hasil Laporan Rahman Talib 1960, Kementerian Pelajaran telah menyusun semula sukatan mata pelajaran Sejarah bagi Darjah IV sehingga Tingkatan Tiga. Sukatan pelajaran baru telah dikeluarkan pada tahun 1966 dan mula dilaksanakan di sekolah-sekolah pada tahun 1967.⁸

Berdasarkan Dasar Penyeragaman dan Penggunaan Sukatan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1967, buat pertama kalinya mata pelajaran Sejarah diajar menggunakan sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).⁹ Murid-murid di peringkat Darjah I hingga Darjah III tidak diajar pendidikan Sejarah secara langsung, sebaliknya unsur-unsur sejarah hanya diserapkan ke dalam mata pelajaran Pengajian Hal Ehwal Tempatan. Mata pelajaran Ilmu Tawarikh hanya diajar di peringkat Darjah IV hingga Darjah VI, menggunakan sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sukatan pelajaran Darjah IV hingga Darjah VI ini digambarkan dalam sebuah buku teks yang berjudul 'Tawarikh Bagi Murid-Murid Malaysia 1969' dan merupakan buku yang pertama dalam siri buku Tawarikh yang disediakan untuk kegunaan murid-murid sekolah rendah di Malaysia. Sukatan pelajaran Ilmu Tawarikh sekolah rendah merangkumi tajuk-tajuk seperti 'Manusia Purba', 'Kedatangan Orang Eropah' serta 'Kesah-Kesah dari Barat'.¹⁰

Selain itu, kerajaan turut memasukkan Dasar Kesejagatan yakni dasar pendidikan Sejarah yang boleh diterima oleh semua kaum di Tanah Melayu. Matlamat dan wawasan utama dasar ini adalah untuk membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu serta mempunyai identiti Malaysia atau berjiwa Tanah Melayu. Dasar ini mengambil kira beberapa aspek lainnya seperti kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan latar belakang geografi. Justeru, dalam pembelajaran Sejarah, semua aspek itu diambil kira bagi mewujudkan kesepaduan dan kesepakatan antara kaum. Ini berikutan proses pendidikan adalah untuk mengembangkan potensi individu murid dan untuk itu, sebagai sebuah negara yang rakyatnya berbilang bangsa, agama dan budaya, penerimaan dan persefahaman antara kaum adalah amat penting. Setiap bangsa perlu menerima budaya dan latar belakang kaum lain. Semua pelajar mendapat peluang yang sama dalam sistem pendidikan dan menjadi tiang asas dalam membina satu sistem yang jauh berbeza daripada pendidikan pada masa pemerintahan British.

Apabila pendidikan vernakular dihapuskan, ini bermakna semua kaum di bawah sistem pendidikan yang sama menggunakan bahasa yang sama dan mata pelajaran Sejarah wajib diambil sama ada pada peringkat rendah mahupun menengah. Kesejagatan dari aspek bahasa boleh dilihat secara amnya pada tahun 1970 apabila peperiksaan mata pelajaran Sejarah menggunakan bahasa Melayu. Selain itu, mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan Darjah V di sekolah Inggeris diadakan dalam bahasa Melayu pada tahun 1971. Seterusnya pada tahun 1975 dan 1977, peperiksaan mata pelajaran Sejarah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dijalankan dalam bahasa Melayu. Apa yang jelas, dasar kesejagatan ini mengutamakan penerimaan penduduk Tanah Melayu berkaitan aspek yang dilaksanakan dalam sesebuah dasar.

Berikutnya kerajaan memperkenalkan Dasar Sejarah sebagai mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar di peringkat sekolah menengah. Ini selaras dengan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan perkembangan yang seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sejarah memberi tumpuan kepada pemerolehan pengetahuan, perkembangan kemahiran dan pemupukan nilai.¹¹

Kurikulum ini bertujuan untuk memberi pemahaman menyeluruh dan satu gambaran yang lengkap tentang sejarah negara. Pembelajaran Sejarah dilihat dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa kerana tujuan pelajaran Sejarah itu adalah untuk memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia.¹² Hasrat kerajaan menjadikan subjek Sejarah sebagai mata pelajaran teras dan wajib diikuti oleh semua pelajar di sekolah-sekolah menengah 1989 adalah untuk memastikan subjek itu sebagai elemen asas pembinaan negara bangsa di samping memupuk kecintaan dan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar dan rakyat negara ini.

Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Sejarah

Selepas merdeka, penyusunan semula dibuat ke atas sukatan pelajaran Sejarah (Tawarikh) berdasarkan sukatan Tawarikh sekolah-sekolah Melayu di Singapura. Penyusunan ini meliputi pelajaran Sejarah bagi Darjah IV sehingga Tingkatan Tiga. Namun kandungan sukatan pelajaran sepenuhnya masih mengikut sukatan pelajaran yang diperkenalkan oleh Inggeris serta tidak menunjukkan ciri-ciri dan penghayatan unsur-unsur sejarah tempatan. Sebelum itu murid-murid tidak diberikan pendidikan Sejarah secara langsung, sebaliknya unsur-unsur sejarah diserapkan ke dalam mata pelajaran Pengajian Hal Ehwal Tempatan.

Pada tahun 1950-an dan 1960-an, pelajar-pelajar didedahkan kepada mata pelajaran Sejarah 'The Great Men of the West' yang diajar sejak Darjah IV, manakala 'The Great Men of the East' yang merujuk kepada tokoh-tokoh termasyhur Timur pula diajar dalam sukatan pelajaran Sejarah bagi Darjah V dan Sejarah bagi Darjah VI, 'The Story of Malaya' yang membincangkan Sejarah Tanah Melayu.¹³ Walau bagaimanapun, sebahagian besar isi kandungannya lebih berbentuk *euro-centric*, iaitu cenderung ke arah kebaratan. Sejarah tempatan digambarkan dalam bentuk yang negatif dan tidak bertamadun berbanding dengan sejarah barat yang memiliki keagungan yang tinggi. Sebaliknya bagi murid-murid tahap Satu (Darjah I hingga Darjah III) tidak diberikan secara langsung, sebaliknya mata pelajaran Sejarah digabungkan dalam Pengajian Hal Ehwal Tempatan. Pada tahun 1965, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di bawah Kementerian Pelajaran telah menerbitkan sukatan pelajaran untuk sekolah rendah dalam bahasa Inggeris untuk panduan guru-guru dan kakitangan akademik. Sementara bagi sekolah menengah pula, pada tahun 1968, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan sukatan pelajaran Sejarah untuk semua aliran. Kemudian pada tahun 1973, Dewan Bahasa dan Pustaka sekali lagi mengeluarkan sukatan yang sama dalam bahasa Melayu.

Pada peringkat sekolah rendah, walaupun secara kasarnya sukatan ini berasaskan kepada sukatan pelajaran Sejarah 1955, tetapi terdapat sedikit perubahan dalam pendekatannya iaitu sukatan pelajaran ini lebih mendekati Tanah Melayu berbanding dengan yang terdahulu. Pada tahun 1966, hanya murid-murid tahap dua (Darjah IV hingga Darjah VI) sahaja didedahkan dengan mata pelajaran Sejarah menerusi sebuah buku teks 'Primary History for Young Malaysian'.¹⁴ Malahan dalam tahun-tahun 1960-an pelajar-pelajar juga langsung tidak didedahkan dengan sejarah tempatan sebaliknya lebih mengagung-agungkan tokoh serta pencapaian dan kemajuan orang-orang barat. Ini berlaku kerana kekurangan bahan-bahan yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan. Bagaimanapun pada tahun 1968, Khoo Hock Cheng melalui artikelnya 'Content of History Syllabus in Secondary School' menekankan supaya kajian Sejarah Tempatan tidak diabaikan dalam sukatan pelajaran sekolah menengah.¹⁵ Kesenambungan pengetahuan dan pemahaman sejarah yang berorientasikan '*Western-centric*' ini diperkukuhkan dengan pengenalan sukatan Sejarah di peringkat menengah rendah Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga. Penumpuan sukatan pelajaran adalah menyampaikan pengetahuan Sejarah Tempatan (Asia Tenggara) yang berlatarbelakangkan Sejarah Dunia.

Pada tahun 1967, sukatan pelajaran Sejarah menengah rendah bagi Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga, sukatnya lebih diluaskan kepada tajuk-tajuk Sejarah Dunia.¹⁶ Sukatan pelajaran ini tidak begitu berbeza dengan sukatan pelajaran Sejarah tahun 1955 dahulu. Seterusnya sukatan pelajaran Sejarah menengah rendah bagi Tingkatan Satu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A mencakupi Sejarah Awal Asia (Asia Tenggara, India dan China), Bahagian B pula meliputi Sejarah Awal Eropah (Yunani dan Rom), dan Bahagian C berfokus kepada agama-agama utama dunia (Hindu, Buddha, Kristian dan Islam). Manakala Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua pula tertumpu kepada dua bahagian. Bahagian A- Asia

(Pengembaraan Ibn Batuta, Perkembangan Melaka, Kedatangan Portugis dan Belanda, Kerajaan Monghul di India, Empayar Monghul dan Empayar Ming di China), dan Bahagian B- Eropah (Gerakan Salib, Masyarakat Feudal, Zaman Rennaisans dan Penemuan Sains). Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Tiga juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu; Bahagian A- Revolusi Industri dan Sosial, dan Bahagian B- Asia (Asia Tenggara, India dan Pakistan, China dan Jepun). Berikutnya untuk Tingkatan Tiga, penekanan lebih diberikan kepada sejarah moden yang meliputi dua bahagian besar iaitu Sejarah Perubahan Masyarakat semenjak Revolusi Perusahaan di Eropah dan Sejarah Masyarakat Asia sehingga munculnya semangat kebangsaan selepas perang Dunia Kedua. Antara yang dipentingkan ialah Revolusi di Britain, Pemberontakan di Perancis (Napoleon), Perang Kemerdekaan dan Perang Saudara di Amerika Syarikat serta Pemberontakan di Rusia: Sementara dalam bahagian Sejarah Asia pula meliputi Sejarah Kedatangan Kuasa-kuasa Barat di Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur sehinggalah ke Zaman Kemerdekaan. Di Asia Tenggara, negara yang terlibat ialah Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, Borneo, Thailand, Filipina dan Indonesia. Bagi Asia Selatan pula, tumpuan diberikan kepada perkembangan kuasa Inggeris di India serta perjuangan rakyat India menuntut kemerdekaan manakala di Asia Timur, sukatan pelajaran Sejarah ini menonjolkan kesan kuasa-kuasa barat di China dan Jepun.¹⁷

Pada peringkat menengah atas pula, sukatan pelajaran Sejarah lebih luas dan mempunyai lebih banyak pilihan. Untuk itu, di *University of Cambridge Local Examination Syndicate* telah menyediakan sukatan pelajaran Sejarah yang khusus untuk pelajar-pelajar di Malaysia.¹⁸ Sukatan pelajaran Sejarah dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu bahagian A; Tawarikh Tanah Melayu dari tahun 1400 hingga tahun 1945, bahagian B- Tawarikh Komanwel British tahun 1740-1945, Bahagian C- Latar belakang penduduk Tanah Melayu (India, China, Perkembangan agama Islam, Hindu, Buddha dan sumbangan orang - orang Greek dan Rom) Bahagian D - Perkembangan kebebasan dan tanggungjawab sendiri (Latar belakang kerajaan Beraja Britain dan negeri-negeri Komanwel serta jajahan takluk) Peruntukan masa bagi mata pelajaran Sejarah ini ialah 120 minit seminggu. Murid-murid yang mengambil mata pelajaran Sejarah diwajibkan mempelajari Sejarah Malaysia dan juga memilih Sejarah Asia Tenggara atau Sejarah Komanwel. Murid-murid dibenarkan memilih Sejarah Komanwel dalam Peperiksaan SPM atau *Malaysian Certificate of Education* (MCE). Salah sebuah buku yang dijadikan buku teks ialah *Tawarikh Tanah Melayu 1400-1959* yang ditulis oleh Joginder Singh Jessey (1964).¹⁹

Pada tahun 1973, terdapat sedikit perubahan dalam pendekatan pendidikan Sejarah bila mana sukatan pelajaran lebih mendekati Tanah Melayu berbanding sukatan pelajaran terdahulu. Terdapat perbezaan yang agak ketara kerana penekanan lebih banyak kepada Sejarah Asia Tenggara berbanding dengan sukatan awal pada tahun 1955 yang mana pendekatan pelajaran Sejarah lebih banyak menjurus kepada sejarah tempatan. Jalinan antara kandungan bagi setiap peringkat lebih bersifat *episodic* iaitu tidak dikongkong oleh kronologi.²⁰ Semenjak itu tidak terdapat sebarang perubahan besar dalam sukatan pelajaran Sejarah sehinggalah pada tahun 1978 apabila kurikulum pendidikan Sejarah baru mula digunakan di sekolah-sekolah di Malaysia. Pada peringkat ini, pembelajaran hanya meliputi pendidikan awal pelajaran Sejarah iaitu daripada Darjah IV hingga Tingkatan Tiga.²¹ Seterusnya untuk Darjah V dan Darjah VI, mata pelajaran Sejarah diperluaskan dan diperdalam dengan menanamkan ciri-ciri keperibadian terpuji. Di peringkat Darjah V, penekanan hampir keseluruhannya diberikan kepada sejarah tempatan. Sementara bagi Darjah VI pula, pelajaran mula menekankan sejarah kedatangan orang asing ke Tanah Melayu dan mengemukakan tokoh-tokoh terkemuka.

Bagi Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima, sukatan pelajaran lama yang asalnya disediakan oleh *University of Cambridge Local Examination Syndicate* terus digunakan sehinggalah KBSM dilaksanakan mulai 1989 secara berperingkat di setiap tingkatan. Seterusnya pendekatan bersepadu ini dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah menengah rendah dan hanya apabila di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima, pelajar akan mempelajari Sejarah sebagai satu disiplin.²² Anwar Ibrahim yang menjadi Menteri Pendidikan pada ketika itu telah membuat keputusan untuk menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran teras. Keputusan menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran teras mulai 1989 telah disambut baik oleh pelbagai pihak.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Sehingga Abad Ke-20

Kaedah pembelajaran Sejarah adalah lebih berpusatkan guru. Pengajaran guru bersifat indoktrinasi dan tidak kreatif, bercorak sehalu, tidak mewujudkan peluang interaksi antara guru dan pelajar. Hal ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah menjadi begitu kaku. Guru mengekalkan kaedah tradisi di bilik darjah. Guru kurang mempunyai kepakaran dalam menyampaikan pedagogi terkini. Kaedah 'chalk and talk' yang menekankan interaksi sehalu serta teknik hafalan terhadap sesuatu fakta telah menyebabkan Sejarah dilihat sebagai, "the dead man of curriculum".²³

Mata pelajaran Sejarah juga boleh diajar oleh sesiapa sahaja walaupun mereka bukan opsyen Sejarah kerana sepenuhnya bergantung kepada penggunaan buku teks.²⁴ Malahan masih terdapat jumlah peratusan yang besar dalam kalangan guru Sejarah di sekolah yang tidak mempunyai latihan ikhtisas dalam bidang berkenaan.²⁵ Ini menyebabkan guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah kurang mempunyai pengetahuan daripada aspek pedagogi. Mereka tidak mendapat pendedahan dan latihan yang mencukupi. Guru Sejarah juga jarang dipanggil berkursus untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka dalam pengajaran Sejarah. Mereka kurang didedahkan dengan amalan pedagogi terkini di bilik darjah. Ketika ini ramai guru yang mengajar Sejarah terdiri daripada guru-guru sandaran yang tidak memahami matlamat pendidikan Sejarah. Malah ada antara mereka yang tidak menguasai isi kandungan yang disampaikan mengakibatkan penyampaian maklumat kepada pelajar kurang tepat.²⁶

Penggunaan buku teks yang berlebihan menjadikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah bersifat stereotaip, kurang daya kreatif dan imaginatif. Guru terlalu bergantung kepada penggunaan buku teks. Malahan nota-nota dipetik terus daripada buku teks. Pelajar diminta menggariskan bahagian yang penting dalam buku teks. Menurut Jasbir Sarjit Singh, sebilangan guru hanya menyuruh murid-murid membaca buku teks dan menggariskan butir-butir penting. Kaedah ini telah menggagalkan objektif sukatan pelajaran baru Sejarah iaitu mencetuskan pemikiran kritis.²⁷ Kebanyakan guru Sejarah juga bergantung sepenuhnya kepada isi pelajaran daripada buku teks. Pada ketika ini guru menggunakan pelbagai kaedah sama ada kaedah syarahan dan penerangan, perbincangan dan penceritaan dalam menggunakan buku teks. Guru-guru menyuruh pelajar membaca buku teks secara bergilir-gilir dan sangat sedikit guru berusaha untuk menyampaikan pengajaran berdasarkan kurikulum yang dicadangkan oleh KBSM seperti kaedah penerokaan atau penemuan.

Penggunaan buku teks juga begitu ketara dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Tumpuan adalah sepenuhnya terhadap isi kandungan yang terdapat dalam buku teks tanpa merujuk kepada sumber lain bagi meningkatkan dan mengembangkan ilmu yang disampaikan. Kebergantungan kepada buku teks ini menyebabkan kurangnya keterbukaan minda dan fikiran pelajar dalam meneroka ilmu sejarah dengan lebih meluas lagi. Menurut salah seorang responden yang ditemu bual iaitu Puan Jasima Abdul Jalil, guru Sejarah menggunakan sepenuhnya buku teks ketika mengajar. Meskipun demikian, beliau sangat

berminat terhadap pembelajaran Sejarah walaupun sedikit membosankan kerana perlu banyak mengingat apa yang dibaca. Menurutny lagi, beliau sering tertukar fakta dan tahun ketika membaca dan menghafal topik penting dalam mata pelajaran ini kerana fakta dan tahun tersebut sangat banyak dan panjang.²⁸

Kaedah-kaedah yang digunakan ini menerima banyak pandangan dan pendapat sebagai kaedah tradisional yang telah lapuk. Mays menjelaskan bahawa *Cambridge Institute of Education* pada 1970 pernah menyentuh berkaitan kaedah ini yang perlu diubah kepada kaedah yang lebih berpusat kepada pelajar.²⁹ Demikian juga menurut Jernstedt menyatakan pembelajaran sebegini menimbulkan kesan tidak minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Pelajar yang diajar menggunakan kaedah tradisional ini menunjukkan pencapaian yang rendah dalam ujian dan peperiksaan.³⁰ Kenyataan ini turut diakui oleh Jasbir yang mana kaedah tradisional menjadi amalan dikebanyakan sekolah. Penggunaan kaedah ini menjadikan pengajaran kurang berkesan kerana dikatakan lebih berpusat kepada guru yang menghasilkan situasi pembelajaran yang kurang diminati.³¹ Malahan pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan sama ada diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia mahu pun Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia yang kurang memuaskan berdasarkan laporan prestasi yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia (1985;1986). Keadaan ini membuktikan bahawa kaedah tradisional yang menumpukan kepada kepentingan peperiksaan juga gagal mencapai keputusan yang diharapkan.³²

Kajian Noraizan Hamzah menunjukkan pelajar akan berasa bosan semasa membaca buku teks kerana isi kandungannya terlalu banyak fakta yang perlu dihafal. Masyarakat lebih suka melihat kejayaan dalam sesuatu peperiksaan sebagai kayu ukur dalam menentukan keberhasilan dan kecemerlangan masa hadapan seseorang pelajar.³³ Lantaran itu, sudah menjadi rutin guru mengajar untuk memastikan pelajaranya cemerlang dalam peperiksaan yang didudukinya tanpa menghiraukan matlamat dan objektif kurikulum itu sendiri. Menurut Puan Wong Siew Moi, seorang guru mata pelajaran Bahasa Inggeris mengatakan bahawa pengajaran guru Sejarah selepas merdeka terlalu mementingkan fakta dan tahun bagi menghadapi peperiksaan.³⁴ Ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran Sejarah dilihat lebih bersifat 'reproduction' iaitu mengeluarkan segala fakta yang dipelajari dalam peperiksaan. Ini menyebabkan pelajar terlalu bergantung dengan buku teks tanpa mengambil kira nilai sejarah dan kepentingan mempelajari Sejarah pada ketika itu kerana tumpuan lebih kepada lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

May, Rohana Zubair dan Masariah Mispari juga sependapat bahawa pengajaran dan pembelajaran Sejarah masih lagi bersifat streataip iaitu guru banyak menggunakan kaedah memberi nota, bercakap dan menulis, bergantung sepenuhnya kepada buku teks, penekanan kepada mengingat dan menghafal fakta, pengajaran berbentuk lisan dan tidak melibatkan pelajar secara aktif. Keadaan ini menyebabkan kurangnya penglibatan intelektual pelajar, dominasi guru dan amat kurang penggunaan pemikiran kritis.³⁵

Ian Steele turut berpendapat bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah selepas merdeka lebih mengutamakan kelulusan dalam peperiksaan, penggunaan 'chalk and talk' yang berlebihan, menghasilkan set nota yang baik, bergantung sepenuhnya pada buku teks, berazam menghabiskan sukatan pelajaran dengan cepat, melatih pelajar menulis esei secara berterusan dan mengutamakan penghafalan fakta. Ironinya, kaedah pembelajaran sebegini tidak membawa pencapaian pelajar yang cemerlang, sebaliknya membawa kegagalan yang lebih tinggi³⁶ serta tidak menghasilkan daya kreativiti pelajar yang sebenar. Keperluan objektif dan prinsip yang melibatkan minat, kemahiran, sikap, nilai dan keupayaan pelajar sering dilupakan kerana tumpuan diberikan lebih ke arah kepentingan peperiksaan.

Cabaran dan Halangan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Aspek halangan dan cabaran ini dilihat dari empat sudut utama iaitu buku teks, pelajar, guru dan kurikulum. Persoalan utama berkaitan cabaran dalam buku teks Sejarah antaranya berkaitan aspek kandungannya. Buku teks Sejarah khususnya untuk Tingkatan Lima kebanyakannya masih memberi tumpuan kepada sejarah kedatangan dan ketamaduan Barat.³⁷ Isu ini semakin mendapat perhatian apabila mata pelajaran ini diwajibkan sehingga terdapat sesetengah pihak mendesak agar kandungan silibusnya dikaji semula termasuklah menilai semula sejarah setiap bangsa di Malaysia dan pemimpinnya. Demikian juga apabila terdapat kelemahan fakta dalam teks yang memberi tumpuan hanya kepada Kesultanan Melayu Melaka sebagai titik rujukan untuk Sejarah Malaysia sehingga gagal mengambil kira sumbangan masyarakat bumiputera Sabah dan Sarawak. Malahan permulaan Sejarah Malaysia tertumpu kepada Kesultanan Melayu Melaka seolah-olah menafikan kepentingan dan pengaruh kerajaan purba lain seperti Kedah Tua yang wujud jauh lebih awal daripada Kesultanan Melayu Melaka. Maka tidak hairanlah apabila surat pekeliling kemudiannya telah dikeluarkan oleh KPM pada September 1988 yang mengarahkan supaya semua guru besar di 1,840 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil di seluruh negara supaya berhenti menggunakan buku *Bahasa Melayu 6B* yang jelas mengandungi beberapa kesalahan fakta.³⁸

Selain itu, buku teks Sejarah Malaysia tidak memperuntukkan ruang yang seimbang dan mencukupi untuk perbincangan yang khusus atau lengkap tentang pengaruhnya terhadap masyarakat tempatan. Penelitian sejarah negara Malaysia tidak cukup terbuka, malah cuba mengelakkan penyampaian peristiwa sejarah yang terbaru kepada generasi baru, antaranya Peristiwa 13 Mei, Operasi Lalang dan sebagainya.

Demikian juga apabila merujuk kepada buku teks *Primary History fo Malaysians Book One, Two and Three* yang diterbitkan pada tahun 1963 khususnya dalam bab satu, pelajar-pelajar diperkenalkan dengan tajuk 'Man in the Stone Age' yang merujuk kepada manusia zaman batu di Tanah Melayu. Seterusnya disambung dengan manusia awal di Eropah yang memakai kulit binatang untuk masa yang lama. Dua ayat tersebut menunjukkan percanggahan fakta dan ini akan menyebabkan kekeliruan kepada pelajar. Persoalan yang timbul ialah sama ada Tanah Melayu atau Eropah yang mempunyai tamadun lebih awal. Malahan buku teks Sejarah juga tidak memberi pembaca pemahaman tentang cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pembangunan negara sehingga tidak menimbulkan perasaan ingin tahu oleh pembaca. Cara sejarah disampaikan tidak mencerminkan latar belakang sosial Malaysia yang kompleks. Kegagalan untuk mengambil kira konteks dan latar belakang sejarah sosial yang sebenar menimbulkan kekeliruan kepada pelajar. Ini merupakan suatu halangan kepada pelajar dalam memahami aspek sejarah yang sebenar.

Topik penubuhan Persekutuan Malaysia juga didapati berat sebelah terhadap Semenanjung Malaysia. Sumbangan oleh pemimpin Sabah dan Sarawak tidak diiktiraf. Proses rundingan antara pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak yang amat penting dan mencabar tidak diteliti dan dibincang dengan secukupnya. Hal ini memberi gambaran palsu kepada pembaca sehinggakan pembentukan sebuah negara bangsa baru dianggap sesuatu yang mudah dan rundingan untuk membentuk Malaysia adalah senang. Selain itu, terdapat ketidakseimbangan dalam liputan tamadun. Ia sangat tercondong dengan hanya menumpukan kepada satu aspek awal sejarah Malaysia sahaja. Hampir tiada kajian serius ke atas masyarakat orang Asli walaupun mereka adalah penduduk asal negara ini.

Demikian juga buku teks Sejarah dilihat gagal menjadi pemangkin untuk pelajar dan pembaca lain membentuk soalan kritikal dalam memahami kerumitan evolusi institusi sebuah negara. Kajian terperinci dan bermakna tentang tamadun-tamadun lain yang lalu dan majunya

sesebuah negara tidak dimasukkan dalam kandungan buku teks secara terperinci. Ini penting yang mana ia perlu diimbangkan dengan pengetahuan mengenai tamadun Sejarah Dunia yang lain untuk memberi konteks serta menangani isu-isu kontemporari serta cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh negara. Seperti kata-kata Seymour Martin Lipset, 'Those who only know one country know no country' yang bermakna 'orang-orang yang hanya tahu tentang satu negara tidak tahu apa-apa negara'. Ini menunjukkan buku teks gagal memenuhi dua tujuan utama dalam pembelajaran dan pengajaran sejarah, iaitu perasaan ingin tahu dan pembentukan soalan yang bermakna.³⁹

Ungkapan-ungkapan negatif sering digunakan seperti 'Benggali Puteh' untuk merujuk kepada orang Portugis di Melaka seperti yang terdapat dalam teks 'Kisah-Kisah Zaman Lampau' yang diterbitkan oleh Federal Publications pada tahun 1970 untuk kegunaan sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Demikian juga dengan buku teks Sejarah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengandungi penggunaan ayat yang menyinggung perasaan kaum minoriti. Contohnya, buku teks Sejarah untuk Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima karya Ramlah Adam *et al.* sering menggunakan perkataan 'golongan imigran' dan 'pendatang' apabila merujuk kepada penduduk negara ini yang berbangsa India dan Cina.

Buku teks Sejarah juga tidak mencukupi untuk diedarkan di sekolah-sekolah. Walau pun penyebaran buku-buku teks ini agak meluas, tetapi dalam dekad 1960-an, masalah buku teks di bilik darjah masih wujud. Pelajar masih menghadapi masalah dalam memilih buku-buku teks tersebut terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Dari pemerhatian dan Laporan Jemaah Nazir yang diterima oleh Hamdan Syeikh Tahir, beliau mendapati bahawa banyak sekolah kekurangan buku teks dan buku-buku bacaan tambahan. Sebahagian besar murid-murid tidak memiliki buku teks yang sepatutnya digunakan. Bagi Hamdan, hal ini ada kaitan dengan sikap ibu bapa terutamanya orang-orang Melayu, antara lain beliau menyatakan, "...murid-murid tidak mempunyai buku-buku tersebut dan nampaknya ibu bapa enggan membelikannya, Saya katakan enggan kerana kebanyakan ibu bapa kita sesungguhnya masih sanggup mengeluarkan belanja untuk keperluan lain".⁴⁰

Meskipun begitu, keadaan ini juga berkaitan dengan kemampuan ibu bapa terutamanya yang bekerja kampung. Walau bagaimanapun, yang jelas ialah pelajaran Sejarah masih menghadapi masalah buku-buku teks dan keadaan ini tentulah mempengaruhi proses pembelajaran mata pelajaran tersebut dalam kalangan pelajar.

Selain itu, pelajar-pelajar sekolah menengah juga mengalami masalah bahasa kerana buku-buku teks Sejarah adalah dalam bahasa Inggeris. Hal ini berlaku kerana terjemahan-terjemahan teks masih berkurangan. Tambahan pula, pelajaran yang dipelajari lebih terjurus kepada perkara-perkara di luar dari negara Malaysia. Dengan keadaan yang demikian, pelajar-pelajar sudah tentu akan menghadapi masalah dalam memahami pelajaran tersebut.⁴¹

Selain melibatkan permasalahan dalam buku teks Sejarah, komponen lain yang saling berkait dan menjadi penyebab munculnya masalah dalam pembelajaran sejarah ialah sikap pelajar yang sukar memahami istilah sukar, dan abstrak yang di luar pengalaman mereka. Sementara itu kebanyakan pelajar juga kurang berminat terhadap pembelajaran Sejarah. Deliman A. menyatakan bahawa penyebab rendahnya minat belajar terhadap pembelajaran Sejarah adalah kerana bahan yang disajikan tidak lebih daripada kisah rekonstruksi peristiwa dan aktiviti manusia di masa lampau.⁴²

Sehubungan itu juga, Fines menyatakan sukatan pelajaran Sejarah yang terlalu membebankan iaitu terlalu banyak tajuk-tajuk untuk dipelajari dan pelajar-pelajar pula terpaksa menghafal fakta-fakta tanpa pemahaman.⁴³ Dalam hal ini, Newmann turut menyatakan bahawa pelajaran Sejarah lebih menekankan aspek keluasan kursus (*breadth of*

coverage) daripada mendalami sesuatu aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran (*depth of learning*). Keadaan yang sedemikian menjadikan mata pelajaran Sejarah kurang diminati dan dianggap menjemukan bagi kalangan pelajar.⁴⁴ Sementelahan pula terdapat tanggapan pelajar bahawa Sejarah tiada nilai ekonomi. Dengan erti kata lain, kelulusan yang baik dalam mata pelajaran Sejarah tidak dapat dijadikan sebagai jaminan untuk mendapatkan peluang melanjutkan pelajaran keperingkat yang lebih tinggi (kursus professional) dan mendapatkan pekerjaan yang baik. Rata-rata dalam kalangan pelajar beranggapan bahawa mempelajari Sejarah di sekolah hanyalah sebagai satu syarat untuk menduduki peperiksaan bagi memenuhi syarat pensijilan.

Anhar Gonggong pula dalam kenyataan menyatakan bahawa 'Sejarah dipandang sebahagian orang sebagai masa lampau, lalu dianggap mata pelajaran yang membuang-buang waktu'.⁴⁵ Kesan daripada itu menyebabkan mata pelajaran Sejarah tidak sebagaimana mata pelajaran lain yang mencapai keputusan yang cemerlang sama ada dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) mahupun Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keputusan Peperiksaan SRP dari tahun 1979 hingga 1988 secara purata adalah 70.46 peratus, dan keputusan peperiksaan SPM dari tahun 1978 hingga 1988 secara puratanya adalah 51.27 peratus. Namun tidak dinafikan terdapat pelajar yang cemerlang dengan memperoleh gred A dalam peperiksaan yang dihadiri.⁴⁶

Jelas menunjukkan walaupun terdapat turun naik peningkatan, namun perbezaannya tidak terlalu ketara sama ada pencapaian dalam peperiksaan SRP mahu pun SPM dari tahun 1978 hingga 1988. Prestasi mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SRP pada tahun 1988 yang diumumkan oleh Tan Sri Abdul Rahman Arshad, Ketua Pengarah Pendidikan menyatakan telah berlaku peningkatan dalam 12 mata pelajaran termasuk Sejarah.⁴⁷ Dalam tempoh 10 tahun, dilihat peningkatan adalah sangat perlahan walaupun ada sesetengah tahun mengalami penurunan meskipun pelbagai langkah, usaha dan penambahbaikan telah pun dilakukan terhadap pendidikan Sejarah tanpa menyimpang daripada matlamat asal mata pelajaran ini. Maka tidak hairanlah pada tahun 1989, kerajaan mengambil inisiatif lain dengan melaksanakan dasar pendidikan Sejarah wajib diikuti oleh semua pelajar sekolah menengah di Malaysia iaitu Sejarah sebagai subjek teras.

Seterusnya cabaran melibatkan guru dalam menjaya dan memartabatkan mata pelajaran Sejarah adalah dari aspek kaedah pengajaran. Telah menjadi kelaziman dalam kalangan guru, mata pelajaran Sejarah diajarkan dengan satu kaedah sahaja sama ada berbentuk ceramah atau ceramah bervariasi. Tumpuan pembelajaran lebih berfokuskan kepada hasil iaitu pelajar dan mahasiswa sebagai objek dan produk semata-mata. Ini merupakan suatu cabaran utama di mana guru itu perlu memperlengkapkan diri dan memainkan peranan yang amat penting agar mata pelajaran ini mencapai matlamat yang dituju.

Cabaran melibatkan kalangan guru juga berlaku apabila kebanyakan guru Sejarah miskin wawasan kesejarahan yang berpunca daripada sifat kurang berusaha untuk menggali dan mengkaji sumber-sumber Sejarah. Kredibiliti guru Sejarah yang rendah ini pastinya akan menghalang objektif pengajaran Sejarah daripada tercapai.⁴⁸ Kelemahan dari segi pengajaran menjadi isu utama yang berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Keadaan ini ditambah lagi dengan latar belakang guru yang tidak mempunyai kemahiran asas Sejarah merupakan antara faktor hilang minat pelajar terhadap subjek ini. Selain itu juga, kaedah pembelajaran Sejarah pada umumnya kurang membentuk daya intelektual pelajar. Kebanyakan guru pada ketika itu lebih mementingkan ingatan terhadap tarikh dan fakta serta membuat rumusan tanpa melatih pelajar berfikir melalui taakulan sejarah. Soedjatmoko mengajak para pendidik Sejarah agar membuang cara-cara mengajar Sejarah yang mengutamakan fakta

Sejarah. Jika pembelajaran Sejarah terbatas pada pengetahuan fakta, maka ia akan mematikan segala minat terhadap Sejarah. Pandangan ini sangat penting diimplementasikan dalam pengajaran Sejarah.⁴⁹

Kajian di Malaysia turut memperkatakan peri pentingnya pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Namun sejak awal tahun 1960-an, kritikan negatif dilemparkan terhadap guru-guru yang kurang efektif semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Misalnya Sarojini Menon telah memberi kritikan dengan mengatakan:

*The universal tradition of dullness associated with the teaching of History has largely arisen, no doubt, from a lecture recitation techniques. Thus History has tended to be a dead subject instead of the vital and fascinating subject it could be.*⁵⁰

Menurut Jasbir, walaupun kedudukannya sebagai salah satu mata pelajaran penting dalam kurikulum sekolah, namun situasi pelaksanaannya tidak memberangsangkan sehingga awal tahun 1980-an lebih-lebih lagi Pusat Perkembangan Kurikulum dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Johor dan Negeri Sembilan telah menunjukkan pengajaran Sejarah terlalu berpusatkan guru.⁵¹ Hal ini menyebabkan pembelajaran menjadi satu hala dan tidak menimbulkan minat dalam kalangan murid atau pelajar.

Berikutnya adalah cabaran yang melibatkan perubahan dalam kurikulum Sejarah. Dalam sejarah perkembangan pendidikan negara, reformasi kurikulum berlaku hasil daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979. Dalam laporan ini, isu-isu yang menyentuh prinsip, nilai dan hala tuju pendidikan telah dibincangkan. Bagaimanapun, wujud cabaran dalam melaksanakan pendidikan Sejarah apabila perubahan kurikulum tidak mempunyai suatu model kitaran dalam sesuatu perkembangannya.

Kajian di beberapa negara menunjukkan tempoh masa kitaran sesuatu kurikulum mengambil masa di antara lima hingga sepuluh tahun. Di Jepun misalnya, tempoh masa satu kitaran kurikulum yang diguna pakai ialah lima tahun sebelum dikaji semula. Di Malaysia tidak terdapat satu jangka masa yang jelas dalam kitaran pengembangan dan pelaksanaan sesuatu program pendidikan persekolahan. Malahan ada di antara pembaharuan dan perubahan tersebut dilakukan secara mendadak tanpa mengikut prosedur proses perkembangan kurikulum dan pelaksanaan kurikulum berkenaan sehingga terdapat dalam kalangan guru dan ibu bapa yang bersungut berkaitan kurikulum yang sentiasa berubah. Walau bagaimanapun, tujuan kementerian mengubah kurikulum adalah untuk membawa murid-murid sekolah yang masih 'hidup' dalam sistem pendidikan tahun-tahun 1950-an kesatu sistem kurikulum semasa.⁵²

Selain itu, terdapat beberapa pertindihan khususnya dalam aktiviti yang melibatkan pemantauan, penyeliaan dan penilaian pelaksanaan kurikulum. Ini mengakibatkan pembaziran dari segi kewangan dan tenaga pegawai kerana hasil diperoleh mungkin mempunyai banyak persamaan. Di samping itu, berlaku kekeliruan dan salah faham dalam kalangan guru dan pentadbir sekolah sekiranya nasihat dan bimbingan yang diberi tidak selaras malahan ada kalanya bercanggah.⁵³ Persoalan ini juga melibatkan proses pembangunan dan penggubalan dalam menentu kesesuaian skop sesuatu kurikulum. Oleh kerana soal pendidikan penting kepada semua orang menyebabkan ada tekanan untuk memasukkan banyak perkara dalam kurikulum. *Stake holder* melihat perkara-perkara utama untuk pembangunan yang kadang kala sukar direalisasikan dalam bilik darjah.⁵⁴ Kemahiran Pengembangan Kurikulum dalam membangunkan sesuatu kurikulum memerlukan kemahiran khusus dan minat yang

tinggi. Kemahiran tersebut tidak semudah yang disangka. Pegawai-pegawai kurikulum perlu mempunyai banyak pengetahuan berhubung teori kurikulum, teori pembelajaran dan sentiasa peka dengan perkembangan terkini pendidikan seluruh dunia. Tidak semua mereka yang terlibat dalam pembangunan dan penggubalan kurikulum mempunyai prasyarat ini.

Demikian juga perubahan kurikulum yang memerlukan perubahan dari segi cara penyampaian guru, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran baru. Dalam kalangan guru perubahan ini mengakibatkan pertambahan bebanan kerja, keperluan mengubah perlakuan dan menguasai kemahiran baru kerana apabila kurikulum berubah, buku teks turut berubah. Tindak balas negatif ke atas perubahan kurikulum tidak menghasilkan apa-apa impak ke atas pengajaran dan pembelajaran murid. Peperiksaan awam dianggap sebagai kayu pengukur keberkesanan kurikulum. Guru hanya mengajar untuk keperluan peperiksaan dan bukan memenuhi kehendak kurikulum. Strategi penyebaran secara *cascade* mempunyai banyak kelemahannya. Kecairan maklumat, salah faham dan kekeliruan berlaku semasa penyampaian kursus-kursus kepada guru pelaksana. Namun aspek ini selalu digunakan untuk menyebarkan kurikulum ke peringkat *grass-root*.

Langkah dan Strategi Memartabatkan Mata Pelajaran Sejarah

Langkah menangani cabaran dan permasalahan dalam mata pelajaran Sejarah antaranya melibatkan kreadibiliti guru. Guru Sejarah yang berkesan perlu mempunyai latar belakang pengetahuan sejarah yang kukuh di samping mempunyai latihan profesional yang mencukupi, terutama dalam bidang Sejarah.⁵⁵ Guru Sejarah perlu mempunyai sikap yang positif terhadap peranannya sebagai guru Sejarah dan sentiasa mencari jalan untuk melengkapinya dengan isu-isu yang berkaitan dengan pengajaran Sejarah seperti mempunyai daya imaginasi, kreatif, kritis dan inovatif, mempunyai ciri-ciri peribadi yang menarik, aktif dan mempunyai unsur daya kecedaan (*sense of humour*), berupaya mengenal pasti perbezaan latar belakang murid agar dapat menggunakan pendekatan Pelbagai Kecerdasan (*Multiple Intelligences*) dalam pengajaran serta berupaya menyediakan sokongan persekitaran pembelajaran yang berkesan untuk menjayakan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD). Justeru itu, ramai guru-guru pelatih diambil di peringkat maktab bagi menangani masalah ini. Maka dalam tahun-tahun 1960-an, berlaku peningkatan dalam pengambilan guru-guru Sejarah. Tujuannya agar dapat memenuhi hasrat dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah supaya dapat melahirkan guru-guru yang benar-benar dapat menjiwai sejarah.⁵⁶

Rentetan daripada pelbagai cabaran dan halangan sepanjang pelaksanaannya, maka wujudnya strategi untuk memartabatkan mata pelajaran ini termasuklah perubahan pedagogi guru. Lawatan ke tempat bersejarah terbukti dengan jelas bahawa pelajar-pelajar akan memperoleh lebih pengetahuan, kefahaman, kemahiran, dan penghayatan terutama yang terdapat dalam buku teks. Aktiviti belajar sambil melawat merupakan kaedah yang sungguh berkesan dalam mata pelajaran Sejarah di pelbagai peringkat. Pelajar-pelajar dapat membina sosialisasi dengan rakan-rakan dan guru, berinteraksi dengan alam sekitar serta sumber tempat lawatan. John D. Hoge dalam kajiannya bertajuk "Teaching History in the Elementary School" membincangkan pengajaran Sejarah yang betul. Menurut beliau, "*Special experience pump into children's history learning. Such experience go beyond the 'staples' of the classroom instruction and include field trips to museums and historical sites ...*". Menurut beliau, pembelajaran Sejarah setakat di bilik darjah selalunya bersifat abstrak dan sebaliknya di muzium atau tempat bersejarah itu lebih realistik. Melalui lawatan bersejarah menjadikan isi kandungan pengajaran menjadi lebih mudah dan menambah minat dalam kalangan pelajar apabila lawatan tersebut berkaitan dengan peristiwa yang diajar.⁵⁷

Selain itu, guru Sejarah perlu bijak menggunakan media-media dan sumber-sumber Sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran tanpa mengetepikan penggunaan buku teks itu sendiri.⁵⁸ Perlulah difahami sesungguhnya minat mempunyai pengaruh yang besar terhadap aktiviti pembelajaran. Lantaran itu, guru memiliki tanggungjawab akademik dan moral yang tinggi untuk mencitrakan mata pelajaran yang dibinanya agar menjadi menarik dan diminati oleh pelajar-pelajar dan para siswa.⁵⁹ Kursus-kursus perlu sentiasa diadakan untuk guru pelaksana. Malahan pemantauan hendaklah sentiasa dilakukan sama ada diperingkat daerah, negeri mahu pun peringkat pusat. Demikian juga guru Sejarah perlu memiliki kemahiran mengurus bilik darjah dengan cekap dan berkesan, mengurus kerja projek, lawatan dan pengajaran secara kumpulan dengan berkesan, melaksanakan pembelajaran berasaskan aktiviti (*activity based learning*) dan pembelajaran berasaskan pemikiran (*brain based learning*), mengurus bahan pembelajaran yang diperlukan serta merancang aktiviti secara sistematik.

Strategi berikutnya adalah kajian semula kurikulum dan buku teks antaranya adalah penyediaan suatu kitaran model yang jelas mencakupi aspek masa, ruang dan kaedah yang disesuaikan dengan suasana pada ketika itu dan penerimaan masyarakat. Malahan segala keputusan perlu dibuat secara kolektif serta perlu mendapatkan sokongan daripada pihak berwajib dan berpengaruh selain membabitkan proses perancangan yang perlu dirancang bersama dengan pelbagai pihak walau pun terdapat agensi yang bertanggungjawab untuk merancang dan menggubal kurikulum.

Dari aspek buku teks pula, pelbagai usaha telah dilakukan dalam tahun-tahun 1970-an bilamana badan penasihat buku teks di bawah kerajaan Malaysia boleh dikatakan telah mencapai tahap yang membanggakan. Menurut perangkaannya pada awal tahun-tahun 1970-an, lebih kurang 50 peratus kegiatan penerbitan buku-buku di Malaysia adalah tertumpu pada penerbitan buku teks. Apatah lagi apabila kerajaan melancarkan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), skim yang menelan belanja sebanyak RM 62 juta ini telah memberi kemudahan kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan sama ada Sekolah Menengah atau Sekolah Rendah dengan peratusan seperti Sekolah Inggeris sebanyak 42 peratus, Sekolah Tamil dan China masing-masing sebanyak 93 peratus dan 69 peratus serta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sebanyak 86 peratus.⁶⁰ Sesuai dengan kehendak dasar mahupun Sukatan Pelajaran Sejarah yang baru 1975, Pusat Perkembangan Kurikulum telah mengumumkan bahawa pihak Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengusahakan buku-buku teks untuk sekolah rendah. Sementara sekolah menengah rendah, pihak penerbit swasta dibenarkan mengeluarkan buku tersebut berdasarkan kepada sampel yang dikeluarkan oleh KPM.

Walau bagaimanapun, pada pengamatan Hj. Hassan, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, kerajaan Malaysia masih belum lagi memiliknegerakan penerbitan buku teks dalam erti kata yang sebenarnya. Kerajaan hanya mengenakan sedikit kawalan ke atas penerbit-penerbit seperti dalam corak, mutu dan harga buku-buku teks tersebut. Sebagaimana yang dimaklumkan, buku-buku teks ini tidak lari dari Sukatan Pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh itu, pada tahun 1978, perubahan telah berlaku dalam isu buku teks jika ditinjau dari keperluan guru-guru Sejarah.

Selain itu, gabungan sejarah dengan sastera klasik turut dilakukan ketika itu. Misalnya teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* digunakan sebagai kajian wajib dan tetap bagi Kesusasteraan Melayu diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).⁶¹ Aspek ini secara tidak langsung mewujudkan konsep kesepaduan antara mata pelajaran tersebut.

Seterusnya penubuhan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) yang mana peranan utamanya adalah untuk memartabatkan Sejarah, pendidikan Sejarah dan warisan tanah air. Semenjak penubuhannya pada tahun 1953, pelbagai rekod disimpan dan pelbagai program

telah dilaksanakan. Di Malaysia, selain di sekolah dan institusi pengajian tinggi, kegiatan kesejarahan ini turut berkembang subur dalam kalangan masyarakat awam. Menerusi pelbagai program, Persatuan Sejarah Malaysia menggiatkan misi perjuangannya untuk memasyarakatkan sejarah ke dalam masyarakat awam, terutamanya membangkitkan kesedaran sejarah yang terdidik dalam kalangan penduduk di negara ini.⁶² Justeru, antara strategi Persatuan Sejarah Malaysia adalah untuk memartabatkan pendidikan Sejarah, khususnya terhadap mata pelajaran Sejarah kepada generasi seterusnya yang bukan sahaja sebagai satu bahan pengajian atau disiplin yang ilmiah, tetapi juga sebagai satu pengetahuan praktik untuk dijadikan bimbingan, pemikiran dan panduan untuk masa akan datang.

Seterusnya kerjasama Kementerian Pelajaran dengan Jabatan Pelajaran Negeri menerusi kuiz sejarah, peraduan mengarang sejarah dan melukis poster merupakan suatu strategi, usaha dan pendekatan untuk memupuk minat terhadap sejarah. Dalam suatu ucapan oleh Menteri Pelajaran Malaysia pada tahun 1982, mengatakan kuiz sejarah adalah suatu pendekatan untuk memupuk minat terhadap sejarah.⁶³ Aspek ini merupakan galakan terus menerus yang bertujuan membimbing generasi muda memahami peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan negara. Antaranya Piala Aminuddin Baki iaitu piala pusingan bagi pertandingan kuiz sejarah dan patriotisme yang bermula sejak tahun 1978.

Selain kuiz, strategi berikutnya adalah dengan mewujudkan imaginasi sejarah dalam bentuk lukisan. Menerusi lukisan, seseorang itu dapat menyelami setakat mana pengajaran di sekolah berasaskan sukatan pelajaran telah mempengaruhi dan meresap ke dalam imaginasi serta pemikiran pelajar sehingga menjelmakan kembali pemahaman mereka dalam bentuk lukisan. Peraduan ini dijalankan di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan. Sambutan yang diberi amat menggalakkan. Misalnya peraduan yang diadakan pada Disember 1980 yang mana jawatankuasa pusat telah menerima 50 lukisan yang bermutu tinggi. Mengikuti Prof. Khoo Kay Kim yang menjadi ketua hakim ketika itu, esei-esei bagi sekolah menengah atas dan maktab memperlihatkan beberapa ciri yang sangat menarik serta mutu pertandingan baik karangan mahupun lukisan adalah sangat baik. Sebagaimana menurut Menteri Pelajaran ketika itu, Dato' Musa Hitam menyatakan bahawa usaha ini dapat membantu Kementerian Pendidikan dalam memperbaiki pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah.⁶⁴

Dalam meninjau berkaitan mata pelajaran ini, adalah didapati kedudukannya ternyata semakin kukuh berikutan terdapatnya penubuhan bahagian khas berkaitan sejarah iaitu Jawatankuasa Pusat Bidang Pelajaran dan kemudiannya Bahagian Sejarah dalam Pusat Perkembangan Kurikulum serta Jemaah Nazir sekolah Persekutuan. Antara lain jawatankuasa ini akan sentiasa menguji dan menyemak segala permasalahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Sementara itu, dalam surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1971, Pelajaran Sejarah telah dimasukkan dalam senarai mata pelajaran yang perlu diajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan pra universiti. Namun begitu, ia hanya diwajibkan bagi aliran sastera, perdagangan dan sains rumah tangga. Penuntut-penuntut aliran sains, teknik dan sains pertanian tidak diwajibkan mengambil mata pelajaran ini.⁶⁵

Pada tahun 1973, sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh guru-guru, penggubal kurikulum, pensyarah universiti dan tokoh-tokoh sejarah tanah air berusaha melahirkan Sukatan Pelajaran Sejarah yang baru. Ia dirujuk kepada Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Rendah (Darjah IV sehingga Tingkatan Tiga) dan dimulakan pada tahun 1978. Sukatan Pelajaran yang baru ini menampakkan beberapa kebaikan. Selain dari mencapai matlamat negara dan mengenal sejarah negara, sukatan yang berorientasikan sejarah tempatan ini juga

telah memberi banyak kemudahan dan idea dalam membantu guru-guru mengajar Sejarah dengan lebih menarik.⁶⁶

Selain dari itu, banyak aktiviti yang boleh disertai oleh pelajar dalam pembelajaran ini kerana perkara-perkara yang dikaji adalah fenomena di sekeliling mereka. Dalam lain perkataan, terdapat perkaitan yang amat rapat antara apa yang dipelajari dengan apa yang ada di persekitaran mereka. Hal ini juga dianggap penting oleh guru-guru sejarah sendiri. Justeru itulah pada tahun 1973 iaitu sebelum sukatan pelajaran Sejarah baru dikeluarkan, V. Nadarajan telah mengatakan bahawa sejarah tempatan harus dititikberatkan bagi menimbulkan minat murid dalam kajian sejarah.⁶⁷

Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Malaysia ternyata mengalami banyak perubahan, terutama sejak zaman penjajahan sehingga zaman awal selepas merdeka. Perkembangan masyarakat seiring dengan perkembangan dasar-dasar negara yang sentiasa ditambahbaik bagi memastikan keperluan rakyat terbela. Perubahan dalam sektor pendidikan menjadi intipati penting dalam pengukuhan perpaduan negara ke arah yang lebih baik kerana pendidikan menjadi peneraju pembentukan masyarakat terutamanya dalam mata pelajaran Sejarah. Cabaran-cabaran yang dihadapi seiring dengan langkah yang sistematik dapat menggerakkan semua pihak untuk mencapai matlamat yang dituju dan sebarang permasalahan dapat diselesaikan dengan baik bersandarkan keperluan negara. Maka dengan itu pada tahun 1989 mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras dan mata pelajaran wajib diikuti oleh semua pelajar sekolah-sekolah menengah di Malaysia dan sejarah asing hanya dilihat melalui tingkap-tingkap sejarah Malaysia.

Nota

- ¹ Dalam bahasa Arab, terdapat dua perkataan yang digunakan sebagai Sejarah iaitu 'ta'rikh' dan 'tarikh'. Penggunaan perkataan 'ta'rikh' adalah berasal dari akar kata 'ar-Rakha' yang bermaksud penulisan Sejarah. Ta'rikh juga didefinisikan sebagai catatan peristiwa yang dikaitkan dengan masa, waktu, hari bulan atau zaman. Perkataan 'tarikh' diguna pakai oleh bangsa Arab yang bermaksud sejarah secara umum, tahun-tahun dan kronologi.
- ² Kementerian Pendidikan Malaysia, *Rancangan Malaysia Ke-9*, Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006, hlm. 40-42.
- ³ Mohd Ayob Abd Razid, 'Sejarah Bantu Kita Fahami Akar Umbi Tamadun Bangsa', <http://www.bharian.com.my/b.harian/articles/sejarah/articles>, diakses pada 1 November 2010.
- ⁴ Shamsul Amri Baharuddin, *Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Bangi, Selangor Darul Ehsan: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990, hlm. 31.
- ⁵ Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin, 'Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional', <http://sosiohumanika-jpsk.com>, diakses pada 4 Mei 2011.
- ⁶ Ibid.
- ⁷ Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, hlm. 4.
- ⁸ Kementerian Pelajaran, *Sukatan Pelajaran Sejarah (Baru)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 3-4.
- ⁹ Khoo Hock Cheng, 'Content of History Syllabus in Secondary School', *Peninjau Sejarah*, Vol. III, No. 1, April 1968, hlm. 30-37.
- ¹⁰ Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, 'Ilmu Tawarikh Darjah Empat hingga Darjah Enam', dalam *Senarai Sejarah Malaysia 1*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hlm. 14-16.

- 11 Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Panduan KBSM*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 13.
- 12 Ahamad Rahim, Azwani Ismail, Abdul Razak Ahmad, Zahara Aziz & Sharifah Nur Puteh, 'Kurikulum Sejarah ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia' http://www.mara.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=783204aa-ed60-4354-e1a6591b8d7a377&groupId=30564, diakses pada 4 Mei 2011.
- 13 Khoo Kay Kim, 'Problems Relating to School Certificate Examination in History: A Teacher's View', dalam Zainal Abidin A. Wahid (eds.), *History Teaching: Its Problems in Malaya*, Kuala Lumpur: History Teachers Assoc. of Malaya, 1964, hlm. 30.
- 14 Arba'iyah Mohd Noor, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden', *Sejarah*, No. 17, 2009, hlm. 55.
- 15 Khoo Hock Cheng, 'Content of History Syllabus in Secondary School', *Peninjau Sejarah*, Vol. III, No. 1, April 1968, hlm. 30-37.
- 16 Kementerian Pelajaran Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 1.
- 17 Lihat Asiah Abu Samah, 'Perkembangan Sukatan Pelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia', dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 77-78.
- 18 Alethea Lyall (ed.), *History Syllabus and a World Perspective*, London: Longmans and Parliemantary Group for World Government, 1969, hlm. 111. Sejarah Tanah Melayu ini juga dibicarakan oleh Khoo Kay Kim dlm Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1973, hlm. 142.
- 19 Khoo Kay Kim, 'Perkembangan Pendidikan Sejarah. Sejarah dalam Pendidikan', Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 19.
- 20 Kementerian Pelajaran, *Sukatan Pelajaran Sejarah (Baru)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 3-4.
- 21 Kementerian Pelajaran Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dan Menengah (Darjah 4-Tingkatan 3)*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM, 1982, hlm. 2.
- 22 Jamaliyah Shaik Abdullah, 'Perubahan Kurikulum Pendidikan Sejarah di Malaysia dari 1978-2000', Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2005, hlm. 88.
- 23 Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd. Rahman dan Nur Atiqah T. Abdullah, 'Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah', *Jurnal Pendidikan Malaysia*, Jil. 34, No. 1, 2009, hlm. 53-56.
- 24 Temu bual telah dilakukan terhadap 55 responden termasuk guru yang mengajar pelbagai bidang. Temu bual dilakukan terhadap mereka yang lahir sebelum merdeka dan awal merdeka bagi mendapatkan pandangan berkaitan kaedah pengajaran guru Sejarah pada zaman tersebut.
- 25 Abd. Rahim Abd. Rashid, *Pendidikan Sejarah, Falsafah Teori dan Amalan*, Kuala Lumpur: Percetakan Cergas Publication Sdn. Bhd, 1999, hlm. 18.
- 26 T. Marimuthu, 'Policies for Multicultural Education in Malaysia', kertas kerja dibentangkan dalam 4th National Convention on Education, Kuala Lumpur, 6-8 Ogos 1984, hlm. 57.
- 27 Jasbir Sarjit Singh, 'Pengajaran Sejarah Secara Moden: Pengajaran dan Pembelajaran Inquiry', *Masalah Pendidikan*, Jil. 7, 1978, hlm. 59-66.
- 28 Puan Jasima Abdul Jalil merupakan guru kanan di salah sebuah sekolah menengah di Lumut, Perak.
- 29 P. Mays, *Why Teach History*, London: University of London Press, 1974, hlm. 19-21.
- 30 G.C. Jernstedt, 'The Relative Effectiveness of Individualized and Traditional Instruction Methods', *J. Educational Research*, Vol. 69, No. 6, 1976, hlm. 21-64.
- 31 Lihat S.S. Jasbir, 'Teknik-Teknik Pengajaran Sejarah' dalam S.B. Chew et al. (eds.), *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hlm. 21-24.
- 32 Lembaga Peperiksaan Malaysia, *Analisa Keputusan Peperiksaan SPM 1985 dan 1986*, Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 1986, hlm. 48-73.

- 33 Noraizan Hamzah @ Daud, 'Persepsi Pelajar dan Guru Terhadap Penggunaan Buku Teks Sejarah', Kertas Projek Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008, hlm. 47.
- 34 Puan Wong Siew Moi merupakan guru mata pelajaran Bahasa Inggeris yang mendapat pendidikan awal ketika era kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau kini masih meneruskan tugas sebagai guru di SMK Seri Manjung, Perak.
- 35 Haminah Suhaibo, *Pemupukan Patriotisme Dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007, hlm. 70.
- 36 Ian Steele, *History Teaching*, West Coimpton House, UK: Shepton Mallet, Somersat, 1976, hlm. 32.
- 37 Khoo Hock Cheng, 'Content of History Syllabus in Secondary School', *Peninjau Sejarah*, Vol. III, No. 1, April 1968, hlm. 30-37.
- 38 *Berita Harian*, 12 September 1988.
- 39 Ulasan Buku Teks Sejarah Malaysia: Perspektif Sabah dan Sarawak, Majlis Perjumpaan serta Mesyuarat Jawatankuasa KemSMS bersama Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah, 27-12-2011 Selasa, 9.00 pagi, hlm. 2-3.
- 40 Hamdan Syeikh Tahir, *Pendidikan Hari Ini Untuk Hari Esok*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 140.
- 41 Khoo Kay Kim, 'Problems Relating to School Certificate Examination in History', hlm. 33.
- 42 A. Deliman, 'Perspektif Materi Pendidikan Sejarah yang Ideal', *Socio*, Vol. 1, No. 1, 2005, hlm. 7.
- 43 John Fines, 'An Educationalist in the Age Keate', *History of Education Quarterly*, Vol. 9, No. 4. 1969, hlm. 438-454.
- 44 F.M. Newmann, 'Can Depth Replace Coverage in the High School Curriculum?', *Phi Delta Kappan*, Vol. 69, No. 5, 1988, hlm. 345-348.
- 45 Ismaun, 'Paradigma Pendidikan Sejarah yang Terarah dan Bermakna', *Historia*, Vol. 2, No. 4, 2001, hlm. 88.
- 46 Keputusan Peperiksaan diperolehi melalui Laporan Perlakuan Peperiksaan SPM/MCE 1980, Laporan Tahunan 1980, Laporan Perlakuan Peperiksaan SPM/MCE 1978, Laporan Tahunan 1981, Laporan Tahunan 1979, Laporan Tahunan 1982-1985, Laporan Tahunan 1986-1989, Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 47 *Utusan Malaysia*, 12 Disember 1988.
- 48 Dyah Kumalasari, 'Sejarah dan Problematika Pendidikan', *Historia*, Vol. 7, No. 22, 2005, hlm. 12.
- 49 Soedjatmoko, *Kesedaran Sejarah dalam Pembangunan*, Jakarta: LP3ES, 1976, hlm. 14-16.
- 50 Sarojini Menon, 'Techniques of Teaching History in Form I, II, III', *Majalah Pendidikan*, Vol. 2, No. 1, hlm. 11-15.
- 51 S.S. Jasbir, 'Teknik-Teknik Pengajaran Sejarah', hlm. 36.
- 52 *Utusan Malaysia*, 22 September 1988.
- 53 Sharifah Nor Puteh & T. Subahan Mohd. Meerah, 'Cabaran dan Isu dalam Perancangan dan Pembangunan Kurikulum Persekolahan di Malaysia: Satu Analisis Refleksi', https://www.academia.edu/5132795/CABARAN_DAN_ISU_DALAM_PERANCANGAN_DAN_PEMBANGUNAN_KURIKULUM_PERSEKOLAHAN_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS_REFLEKSI, diakses pada 12 Disember 2016.
- 54 Sharifah Nor Puteh, 'Curriculum Development and Reform in Malaysia', *Proceeding: School-Based Curriculum Renewal for Knowledge Society*, 15-16 November 2002, Hong Kong Institute of Education, Hong Kong, 2002, hlm. 113-124.
- 55 Kementerian Pelajaran Malaysia, *Surat Pekeliling Ikhtisas*, Kementerian Pelajaran (BS) 8586-2U(U), Dewan Bahasa dan Pustaka: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1968-1979, Bil. 12/1977, hlm. 221.
- 56 Ministry of Education Malaysia, *Second Malaysia Plan, Mid Term Review: Position Paper on Teacher Training*, KP 9140/E (45), Kuala Lumpur: Teacher Training Division Malaysia, dalam Nagendralingan Ratnavadivel, 'Pendidikan Sejarah di Peringkat Maktab Perguruan', 1970, lampiran C.
- 57 John D. Hoge dan Claudia Crump, *Teaching History in the Elementary School*, Bloomington, USA: ERIC Clearinghouse for Social Studies and Social Science Education, 1982, hlm. 439-441.

- 58 Shahrudin Basri Ibrahim, Chan Lee Chiun & Muslimin Fadzil, 'Penggunaan Buku Teks Secara Berkesan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah untuk Murid Berprestasi Rendah di Peringkat Sekolah Menengah', http://myschoolnet.ppk.kpm.my/bhn_pnp/bs_sejarah/bs_kbsm_sej3. Pdf, diakses pada 4 Mei 2011.
- 59 *Berita Harian*, 5 Disember 2010.
- 60 Hassan Ahmad, 'Perusahaan Penerbitan buku dalam Ekonomi Sedang Membangun', *Dewan Masyarakat*, Jil. 13, Bil 1, Januari 1975, hlm. 51.
- 61 Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Sejarah, anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 22 Oktober 1996, hlm. 123-128.
- 62 Omar Mohd Hashim, *Sejarah dan Masyarakat: Mengimbu Masa Lalu Mengimbu Masa Depan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2013, hlm. xviii.
- 63 Ucapan Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Dr. Sulaiman Daud ketika Pertandingan Akhir Kuiz Sejarah, Johor Bharu, Johor, 19 Jun 1982.
- 64 Ucapan Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Musa Hitam pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Mengarang Sejarah Malaysia, 3 Disember 1980.
- 65 Kementerian Pelajaran Malaysia, *Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*, Laporan Jawatankuasa Kabinet, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 247.
- 66 Mohd Syed Hj. Mohd Razi, 'Sukatan Pelajaran Sejarah Baru', *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*, Jil. XXVII, No. 63, Jun 1982, hlm. 63.
- 67 V. Nadarajan, 'Revolusi dalam Pengajaran Sejarah', *Dewan Masyarakat*, Jil. II, Bil. 6, Jun 1973, hlm. 25.